



## Anugerah Inovator & Konvensyen KIK JPA 2015

Anugerah Inovator Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) telah diadakan pada 3 November 2015 manakala Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) telah diadakan pada 5 November 2015 bertempat di Dewan Mezzanine, JPA Putrajaya.

Anugerah Inovator dibahagikan kepada dua kategori iaitu Anugerah Inovator (ICT) dan Anugerah Inovator (Bukan ICT). Sejak diperkenalkan pada



Persembahan daripada Kumpulan CAK INTURA

2010, ini adalah pertama kali INTURA menyertai anugerah ini dan INTURA merupakan satu-satunya wakil dari INTAN yang bertanding dengan enam kumpulan lain dari JPA yang bertanding bagi kategori Bukan ICT. Dianggotai oleh enam orang ahli kumpulan yang diketuai oleh En. Norshuhaidy Shabudin, mereka mempertaruhkan projek yang diberi nama *Current Awareness Key-Chain (CAK)* sebagai hasil inovasi. Ternyata, hasil inovasi mereka diiktiraf dengan kejayaan meraih tempat ketiga. Mereka bakal menerima wang tunai berjumlah

RM 1000 dan sijil penghargaan pada Sambutan Hari Inovasi yang akan diadakan Disember ini.



Barisan juri KIK

Sementara itu, Kumpulan i-TERA INTURA terpaksa bersaing dengan lapan kumpulan lagi dalam Konvensyen KIK. Kumpulan i-TERA menyelesaikan permasalahan 'Pembaziran Makanan di Dewan Makan' melalui Sistem Tempahan Makan Minum Peserta (SiTERA). Selain itu, Kumpulan i-TERA juga turut berjaya menghasilkan serbuk pencuci dan baja organik daripada sisa makanan.

Keputusan pertandingan bakal diketahui tidak lama lagi. Apapun



Sesi soal jawab

keputusannya, tahniah kepada kedua-dua kumpulan (Inovator & KIK) kerana berjaya memupuk semangat kerjasama dan memberikan komitmen dalam melaksanakan projek sehingga berjaya menghasilkan satu sistem penyampaian perkhidmatan yang berkualiti untuk INTURA.

## National Challenge Ropes Course

Lanjutan daripada kursus *iLEAD Fasilitator Team Power* yang lalu, INTAN Wilayah Utara telah menganjurkan pula kursus *National Challenge Ropes Course (NCRC)* kepada fasilitator *iLEAD-PARK* untuk pentauliahannya NCRC Tahap 1 & 2 oleh Persatuan Jurulatih Rekreasi Malaysia. Kursus ini telah diadakan di Awana Hotel, Genting Highland dan Akademi Bomba dan Penyelamat, Kuala Kubu Baru pada 5 hingga 10 November 2015. Seramai 20 orang fasilitator *iLEAD-PARK* INTURA telah menjayakan kursus ini. Turut serta dalam kursus ini ialah Dr. Zurina Abdul Hamid, Pengarah INTURA. Kursus ini bertujuan meningkatkan kemahiran penggunaan tali untuk keselamatan dan pengendalian tali aras tinggi. Peserta perlu menduduki peperiksaan yang melibatkan ujian bertulis dan praktikal untuk mendapatkan Sijil Pentauliahannya.



Para peserta siap bergambar kenangan di Akademi Bomba dan Penyelamat Kuala Kubu Baru

## 5 Ways to Be a Good Project Team Member

Project team members are important collectively and individually. Collectively, they work toward the same project goals. Individually, they bring their own talents and aptitudes to the project. Each team member has his or her role to play and contributions to make.

No matter what a project is about, there are a few key ways to be a good project team member. Do the following things, and you'll pull your own weight and then some on your project teams.

### 1. Be accountable for your commitments

Project managers spend a good amount of their time holding project team members accountable for their work. You can make your project manager's job significantly easier by living up to your commitments. If you take on an assignment, hand it in on time and up to the quality expected. If you can't make a deadline, let the appropriate people know as soon as possible and do what you can to meet any revised commitment you make.

### 2. Attend project team meetings

Team meetings are meant to be important times when project team members can update each other on progress, talk about problems they're facing and plan their next steps. It is important for all team members to attend these meetings. After a while, project team meetings can become tedious and boring no matter how well they are run. Project managers do their best to make them valuable. Even if you don't feel like going, it goes anyway. You show your commitment to the project and you keep yourself informed on all aspects of the work.

### 3. Understand task interdependencies

Team members' tasks interrelate. Some tasks are sequenced before others; some must be completed after

others; and some are completed concurrently. It is important for team members to understand the interdependencies of a project's tasks. By doing this, team members can make sure their tasks are of the most use to the project. For example, when you understand how your work feeds into a subsequent task on the work breakdown structure, you have a better idea of what your work product needs to look like.

### 4. Help others with their tasks

Project team members must embrace the team concept. You can't go into a project looking only to do what is assigned to you and get out. Helping others with their tasks makes the work easier for everyone. For instance, you are brought onto a project team because you have a particular expertise. If you only apply that expertise to your assignments, the project misses out on your expertise permeating other parts of the project. By pitching in elsewhere, you increase the overall quality of the project's work products.

### 5. Give accurate information

When you are asked to provide information to the rest of the project team, be sure that information is accurate. Others count on your expertise. When you are the authority on a topic, sharing that knowledge benefits the entire project. A big component to giving accurate information is giving complete information. Be complete in your answers, and don't assume people know more than they actually do.


If you don't know the answer to a question, say so and then research the issue. Follow through with this commitment to find the answer. Never try to bluff an answer. When you're found out, you lose credibility, and even your accurate answers will be distrusted.

Extract from <http://www.about.com>


## Bahan Bacaan Pilihan Bulan November



Buku ini membimbing pembaca untuk memantapkan persembahan dengan menggunakan power point di depan khalayak dengan fokus kepada idea yang ringkas tetapi menghasilkan pembentangan yang menakjubkan, formula praktikal bagi memukau audiens, dan seni mencipta pembentangan berkualiti. Buku ini sudah memadai sebagai rujukan utama dalam proses penyediaan slaid berkesan.



Pemimpin Super adalah individu yang berkebolehan memimpin diri sendiri dan individu lain ke arah kejayaan dunia dan akhirat. Rahsia untuk menjadi pemimpin super dijelaskan melalui prinsip *Kubik Leadership*. Konsep *Kubik Leadership* adalah dengan cara memimpin keyakinan, memimpin aksi dan memimpin pekerti. Buku ini berfungsi sebagai peta, alat bantu dan juga sebagai peringatan dan bimbingan.



Buku ini menggariskan penemuan lima kemahiran yang membezakan antara eksekutif dan pengurus biasa iaitu: *Associating*, *Questioning*, *Observing*, *Networking*, dan *Experimenting*. Penulis menjelaskan bagaimana pembaca boleh menjana idea-idea, bekerjasama dengan rakan-rakan untuk melaksanakannya, dan membina kemahiran inovasi di seluruh organisasi untuk meningkatkan daya saing.

# ANUGERAH INOVATOR & KONVENSYEN KIK



# NATIONAL CHALLENGE ROPES COURSE



## Hadis Pilihan

### Adab Ketika Makan

#### Hadis

Daripada Wahsyi bin Harbi RA, Sesungguhnya para sahabat Rasulullah SAW berkata, “Wahai Rasulullah sesungguhnya kami makan tetapi tidak kenyang”. Lalu Baginda bersabda, “Mungkin kamu semua makan berselerak”. Mereka semua menjawab, “Ia benar” Baginda bersabda lagi, “Oleh itu hendaklah kamu semua berkumpul semasa makan dan bacalah Bismillah semoga diberkati Allah.”

(Hadith Riwayat Abu Daud dan at-Tirmizi, katanya Hadith Hasan Sahih)

#### Huraian

- 1) Islam menggalakkan makan secara beramai-ramai kerana ianya mendapat keberkatan daripada Allah SWT.
- 2) Hendaklah membaca “*Bismilla hirrahma nirrahim*” sebelum makan kerana ianya merupakan sunnah Rasulullah SAW.
- 3) Makan secara berkumpul akan melahirkan *silaturrahim* sesama umat Islam.

Sumber: JAKIM

### Tahukah Anda

**Cakera Blu-ray** (Bahasa Inggeris: **Blu-ray Disc, BD**) merupakan sebuah format baru cakera padat yang bakal menggantikan cakera DVD. Satu cakera Blu-ray dapat memuatkan sejumlah 25 GB data pada satu lapisan atau 50 GB dwi lapisan berbanding 4.7 GB data untuk DVD. Seperti namanya *Blu-ray* (sinar biru) mendapat namanya dari teknologi baru membaca cakera laser, berbeza dari DVD menggunakan pancaran laser berwarna merah, Blu-Ray sebaliknya berwarna biru. Blu-ray dicipta sejajar dengan pengenalan HDTV (Televisyen definisi tinggi), yang berkeupayaan memancarkan mutu siaran lebih jelas serta interaktif. Dengan pengenalan Blu-ray, rakaman serta penyimpanan jumlah data yang besar yang menyamai kualiti HDTV dapat dilaksanakan.

Sumber: [www.wikipedia.com](http://www.wikipedia.com)

## Kursus Sepanjang Disember 2015

### SEMINAR/ KURSUS KHAS

- |   |            |
|---|------------|
| 1. Seminar Kelestarian Keselamatan Negara | 06/12/2015 |
| 2. Engagement KIK                         | 10/12/2015 |
| 3. Taklimat Pekeliling Perkhidmatan       | 15/12/2015 |



Untuk pertanyaan kursus hubungi : **Setiausaha Kursus**


**04-4218321**

samb. **238** (En. Zamri b. Mohd Noor/Pn. Nazmeen bt. Shaik Daud)  
samb. **118** (Pn. Mimi Noorzan bt. Abd Hamid/ Pn. Zuraida bt. Chin)

1 Sentiasa Di Hadapan  
Memacu Transformasi Melalui Pembelajaran



**INSTITUT TADBIRAN AWAM NEGARA**  
KAMPUS WILAYAH UTARA  
PETI SURAT 94, JALAN KUALA KETIL  
08007 SUNGAI PETANI, KEDAH  
Tel : 04-4218321 Fax : 04-4214489

 [www.intanbk.intan.my/intura](http://www.intanbk.intan.my/intura)

 [maklumbalas@intura.intan.my](mailto:maklumbalas@intura.intan.my)

 INTAN Kampus Wilayah Utara